

**UMNO Johor Mahu Jawatan Presiden, Timbalan Presiden Tidak Dipertandingkan  
Bernama  
18 Ogos, 2013**

JOHOR BAHARU, 18 Ogos (Bernama) -- UMNO Johor mahu jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak dipertandingan pada pemilihan parti Oktober ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata ketetapan itu dibuat berdasarkan sokongan padu rakyat dan kemenangan yang dicapai pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) Mei lalu.

"Dalam perbincangan secara umum, kita menerima hakikat bahawa dalam usaha mengukuhkan parti adalah wajar untuk tidak berlakunya pertandingan di peringkat presiden dan timbalan presiden," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri di Johor Baharu, Ahad.

Mengenai keputusan tidak akan bertanding pada pemilihan parti akan datang bagi memberi tumpuan kepada kerja mengukuhkan parti di peringkat negeri, Mohamed Khaled berkata ini bagi memberi peluang kepada pemimpin negeri bertanding.

Ini sebagai platform bagi menjayakan semangat muafakat dalam kalangan pemimpin di negeri ini, katanya.

"Atas sebab itulah kita akan tentukan seboleh-bolehnya kurangkan persaingan antara pemimpin di negeri ini kerana apa yang penting pada waktu ini adalah usaha mengukuhkan parti berdasarkan semangat kerjasama," katanya.

Mohamed Khaled berkata pada mesyuarat itu, UMNO Johor mahu kerajaan pusat memberi penghargaan kepada orang Melayu di atas sokongan mereka pada pilihan raya umum lalu.

"Kedudukan UMNO berdasarkan sokongan orang Melayu...oleh sebab itu UMNO Johor mahu kerajaan sentiasa menghargai sokongan yang diberi kepada Barisan Nasional (BN) di samping tidak meminggirkan sokongan kaum lain," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengumumkan Ahad bahawa beliau akan mempertahankan jawatannya pada pemilihan pucuk pimpinan parti Oktober depan.

Anggota Parlimen Rembau itu berkata keputusan itu dibuat setelah beliau memikirkan semasak-masak dan mendapat restu daripada rakan-rakan akar umbi.

"Saya telah fikir panjang soal pemilihan parti ini dan berbincang perkara ini dengan rakan-rakan di peringkat akar umbi dan minta pandangan daripada rakan-rakan exco Pemuda UMNO, negeri, ketua pemuda bahagian termasuk perwakilan peringkat negeri, bahagian dan cawangan.

"Saya mohon diberikan sepenggal lagi sebab ada banyak yang masih belum dapat diselesaikan dalam (tempoh) sepenggal sahaja," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di majlis rumah terbuka Aidilfitri beliau di Kampung Gadong, Rembau, Negeri Sembilan.

"(Jawatan) ini memerlukan kesinambungan dan saya sudah meletakkan satu perancangan

bermula daripada empat tahun yang lepas supaya Pemuda UMNO dan BN menjadi lebih relevan kepada generasi muda dan cita rasa mereka.

"Dengan pendekatan dan program yang kita jalankan lebih melambangkan keterbukaan dan membawa semangat kenegaraan yang dibawa oleh Perdana Menteri kita.

"Selepas dilantik menteri...saya merasakan ada lagi banyak kerja yang perlu dibuat, saya melihat dengan lebih jelas lagi cabaran yang dihadapi oleh generasi muda.

"Dan bagaimana kerajaan dan parti yang menguasai kerajaan persekutuan harus menggubal program, dasar dan bertindak supaya lebih relevan dengan kehendak dan juga cita rasa orang muda di negara ini," katanya.

Mengenai kemungkinan pertandingan bagi merebut jawatan itu, Khairy berkata beliau mengambil sikap terbuka dan tidak mahu ada usaha-usaha untuk menghalang mereka yang ingin bertanding jawatan itu.

"Kita sebagai pemimpin parti mesti menghayati, mengamalkan dan mesti menjiwai pindaan kepada perlembagaan parti iaitu jawatan ini dibuka untuk dipertandingkan.

"Bagaimanapun, kita buat pengecualian kepada jawatan presiden dan timbalan presiden sebab itu soal kestabilan parti dan perpaduan tetapi (bagi) jawatan lain, kita tidak menghalang sesiapa nak bertanding (lawan)," ujar Khairy.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970771>